



2019


**analisis pencapaian bulanan
unit pengurusan teknikal
unit hadiah & pertukaran**

**bahagian pembangunan sumber & katalog
perpustakaan utm
perpustakaan sultanah zanariah
universiti teknologi malaysia
johor bahru
johor**

september



mukasurat kandungan ...



MUKASURAT	KANDUNGAN
1	1. Pengenalan
1	2. Objektif dan Fungsi
2	2.1 Objektif BPSK
2	2.2 Fungsi BPSK
2	2.3 Objektif UPT
3	2.4 Fungsi UPT
3	2.5 Objektif UHP
3	2.6 Fungsi UHP
3	3. Sasaran Pencapaian UPT & UHP Sepanjang 2019
3	3.1 Key Amal Indicators / Pencapaian Balanced Score Card BPSK
3	3.1.1 KAI Bahagian
4	3.1.2 KAI Perpustakaan UTM
5	3.2 Pencapaian Objektif Kualiti
5	3.2.1 Prosedur Mengkatalog dan Memproses Bahan : AKT(MB)/8.5.2
6	3.2.2 Prosedur Perolehan Bahan Hadiah : AKT(BH)/8.4
6	3.3 BS 11620 - B.3.2.2 : Median Time Processing
6	3.4 Permohonan Bahan SEGERA
8 - 9	Ringkasan Pencapaian Bulanan
10 - 16	Analisis Bulanan
	Lampiran
J : 1 - J : 11	Jadual 1 hingga Jadual 8.2
R : 1 - R : 7	Rajah 1 hingga Rajah 8

1. PENGENALAN

Bahagian Pembangunan Sumber & Katalog (BPSK) mengandungi 4 unit utama yang terdiri daripada Unit Pengurusan Teknikal (UPT), Unit Hadiah & Pertukaran (UHP), Unit Perolehan Bahan (UPB) dan Unit Jurnal & Media Elektronik (UJME).

Untuk pelaporan di dalam analisa bulanan ini, laporan yang dikemukakan hanya merangkumi Unit Pengurusan Teknikal dan Unit Hadiah & Pertukaran sahaja. Gabungan laporan untuk kedua-dua Unit ini adalah berkaitan dengan pemprosesan dan pengkatalogan bahan sahaja yang terdiri daripada bahan belian, hadiah dan koleksi khas.

Berbeza dengan UPT yang hanya tertumpu kepada aktiviti pemprosesan dan pengkatalogan bahan, UHP turut melaksanakan aktiviti perolehan bahan hadiah dan aksesan bahan berkenaan sebagai aktiviti utama Unit ini.

Secara ringkas, kedua-dua Unit ini terlibat dengan aktiviti berikut sebagai tugas utama memberi impak kepada pembangunan koleksi Perpustakaan UTM.

- Perolehan bahan hadiah dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta.
- Pengkatalogan bahan - katalog asal, CIP, input ringkas dan naskhah tambahan.
- Aksesan bahan hadiah.
- Pemprosesan bahan siap dikatalog - penyediaan label nombor panggilan.
- Penghantaran bahan siap diproses ke seluruh lokasi Perpustakaan UTM.

2. OBJEKTIF & FUNGSI

2.1 OBJEKTIF BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER & KATALOG

- Untuk memperoleh dan membangunkan koleksi perpustakaan dalam pelbagai format seperti monograf, audio, visual, jurnal, media elektronik, pangkalan dataas talian, bahan kartografi dan sebagainya untuk menyokong pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan serta aktiviti perundingan di UTM.
- Untuk membangun dan memperkayakan koleksi perpustakaan melalui hadiah dan pertukaran dengan Kementerian dan Agensi Kerajaan.
- Mewujudkan satu garis panduan pengurusan pengkatalogan, pengkelasan dan penetapan tajuk perkara serta garis panduan melengkapkan fizikal bahan yang dijalankan secara sistematik, teratur dan berterusan.
- Menyediakan rekod bibliografik yang lengkap bagi semua bahan yang diperolehi oleh Perpustakaan UTM.
- Melengkapkan fizikal bahan yang telah diproses dengan membuat label bahan dan maklumat fizikal untuk tujuan rujukan dan pinjaman.
- Mengawasi dan membuat kemaskini maklumat fail kuasa bagi pengarang, perkara dan juga siri di dalam sistem perpustakaan.

2.2 FUNGSI BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER & KATALOG

- Menyediakan bahan yang bersesuaian dalam pelbagai format seperti buku, jurnal, media elektronik, alat pandang dengar, peta, fotograf udara dan sebagainya untuk menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan, penulisan, penerbitan dan perkhidmatan kepada masyarakat.
- Memastikan semua permohonan pembelian diproses dan diurus pembayaran setiap tahun mengikut peruntukan yang diterima.
- Memproses pesanan bahan yang diterima mengikut masa yang telah ditetapkan.
- Memproses bahan hadiah dan pertukaran sebagaimana yang dinyatakan Dasar Perolehan Bahan Hadiah dan Pertukaran.
- Menginput dan menyelenggara maklumat bibliografik bahan dalam sistem perpustakaan.
- Mengkatalog bahan yang terdiri daripada bahan belian dan hadiah serta mengawasi aktiviti pengkatalogan yang dilaksanakan di Perpustakaan UTM Cawangan dan Perpustakaan Fakulti.

2.3 OBJEKTIF UNIT PENGURUSAN TEKNIKAL

- Memproses katalog bahan yang diterima oleh Perpustakaan UTM dan memastikan ia mempunyai rekod bibliografi dan 'holdings' di dalam Sistem Katalog Berkomputer Perpustakaan (LMS).
- Mengkatalog bahan mengikut piawaian pengkatalogan antarabangsa dan dasar yang dipraktikkan di Perpustakaan UTM bagi memastikan kualiti bahan yang diproses serta paparan rekod bahan yang dimuatkan di dalam Sistem Perpustakaan LESTARI adalah komprehensif dan tepat.
- Membuat pembetulan dan kemaskini bahan yang diterima daripada Unit Sirkulasi dan daripada lain-lain Bahagian dan Unit di Perpustakaan UTM, dan memastikan maklumat bahan di dalam sistem perpustakaan adalah betul dan tepat.
- Menyelenggara rekod melalui semakan fail kuasa bagi memastikan keseragaman rekod serta bagi membolehkan rujukan rekod yang komprehensif kepada pengguna.

2.4 FUNGSI UNIT PENGURUSAN TEKNIKAL

Bertanggungjawab dalam urusan pengendalian bahan belian untuk dikatalog, dilabel dan dihantar mengikut lokasi yang telah ditetapkan merangkumi aspek pengawasan yang teliti terhadap :

- Penyediaan dan penyelarasan piawaian yang 'standard' bagi aktiviti pengkatalogan bahan selaras dengan piawaian antarabangsa dan kebangsaan.
- Mengawalselia keseragaman rekod bibliografik bahan di dalam Sistem Pengurusan Perpustakaan.

2.5 OBJEKTIF UNIT HADIAH & PERTUKARAN

- Bertanggungjawab untuk menguruskan perolehan dan penerimaan bahan-bahan hadiah yang diterbitkan secara percuma dari pelbagai sumber bercetak dan elektronik daripada universiti dalam/luar negara, agensi kerajaan, badan berkanun, agensi swasta, institusi dan organisasi dalam/luar negara, serta orang perseorangan bagi pembangunan koleksi bahan Perpustakaan UTM.
- Bertanggungjawab untuk menguruskan pertukaran bahan terbitan UTM kepada universiti dalam negara, agensi kerajaan atau swasta bergantung pada jumlah bahan yang diterima dari fakulti/jabatan di UTM.
- Bertanggungjawab untuk menguruskan serahan bahan terbitan UTM kepada Perpustakaan Negara Malaysia tertakluk kepada Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331).

2.6 FUNGSI UNIT HADIAH & PERTUKARAN

Membangunkan koleksi Perpustakaan melalui permohonan dan penerimaan bahan hadiah serta pertukaran bahan antara organisasi sama ada badan kerajaan atau swasta.

3. SASARAN PENCAPAIAN UPT & UHP SEPANJANG 2019

Sepanjang tahun 2019, UPT & UHP bakal memberi fokus utama kepada sasaran pencapaian yang merangkumi aktiviti pemprosesan dan pengkatalogan bahan, merangkumi bahan belian, hadiah dan koleksi khas. Selaras dengan itu, kedua-dua Unit ini bertanggungjawab untuk memastikan bahan yang dikatalog dapat diproses dengan lebih efisien mengikut piawaian pengkatalogan yang lebih komprehensif. Sasaran pencapaian bagi 2019 yang telah ditetapkan untuk melengkapkan sebahagian daripada pencapaian keseluruhan BPSK terdiri daripada berikut :

- Pencapaian Key Amal Indicators (KAI).
- Pencapaian Objektif Kualiti.
- BS11620 : Median Time Document Processing (MTDP).
- Pengurusan Permohonan Bahan Segera.

3.1 PENCAPAIAN KEY AMAL INDICATORS (KAI)

Penetapan Key Amal Indicators (KAI) bagi 2019 telah dikemaskini dengan penentuan KAI berimpak tinggi sebagai KAI PUTM, manakala setiap Bahagian mempunyai KAI yang menyumbang kepada pemantapan yang lebih kukuh kepada prestasi PUTM.

3.1.1 KAI Bahagian

P3. : *High Performance Delivery To Support Learning & Teaching*
P3.7 : *To acquire library materials through gifts and exchange process*

Initiatives :

1. *Acquire through government agencies, private sectors and individuals and process the items into the LMS*
2. *Quantify the value of printed gifts materials in ringgit*
3. *Deposit data in library repository system*
<http://repository.library.utm.my>

UHP - Aktiviti penerimaan bahan hadiah dan pertukaran hanya melibatkan penerimaan judul baharu dan repositori rekod bahan di system Repositori Perpustakaan UTM sahaja. Proses penerimaan ini melibatkan aktiviti yang dilaksanakan oleh staf di BPSK, PSZKL dan BPK(PF) berdasarkan pecahan sasaran pencapaian seperti berikut :

- BPSK (HP) - Sasaran : 75% (1500 judul)
- PSZKL(PKD) - Sasaran : 20% (400 judul)
- BPK(PF) - Sasaran : 5% (100 judul)
- Jumlah keseluruhan sasaran : 2000 judul**

P3. : High Performance Delivery To Support Learning & Teaching

P3.8 : To process and catalogue library materials according to the international standards

Initiatives : Process and catalog :

1. All the purchased materials received from Acquisition Unit
2. Gifts and exchange materials received from Unit Hadiah dan Pertukaran
3. Special collection
4. Gallery collection
5. Housekeeping of serial records (special collection. eg.: annual reports & convocation books)

UPT - Aktiviti pemprosesan dan pengkatalogan bahan mengikut piawaian antarabangsa masih menjadi KAI utama di BPSK. KPSK merupakan pemunya inisiatif bagi aktiviti ini yang melibatkan BRM, PF dan PSZKL yang turut melaksanakan pengkatalogan bahan asal dan bahan CIP.

- BPSK - Sasaran : 4,400 judul
- BRM - Sasaran : 5,060 judul
- BRM (tesis backlog) - Sasaran : 3,000 judul
- PF - Sasaran : tiada sasaran
- PSZKL - Sasaran : 1,000 judul
- Jumlah keseluruhan sasaran : 13,460 judul**

Bagi aktiviti ini, KPSK merupakan penyelaras yang bertanggungjawab untuk melaporkan kumulat pencapaian daripada setiap Bahagian/Unit.

3.1.2 KAI Perpustakaan UTM

Mulai 2019, di bawah tanggungjawab UHP, BPSK telah merangka 1 KAI baharu berimpak tinggi sebagai KAI PUTM yang melibatkan penerimaan bahan Koleksi Khazanah Intelektual Johor yang terdiri daripada bahan belian, hadiah dan koleksi khas.

P.02 : High Performance Delivery To Support Teaching, Learning & Research

P2.1 : Pemantapan Koleksi Intelektual Johor dan Koleksi Perpustakaan

- Pembangunan koleksi melalui bahan hadiah : 200 naskhah setahun.

Pembangunan koleksi adalah melalui:

a. Perolehan Bahan (50 n)

- Mendapatkan bahan penerbitan Penerbit UTM/PTJ -terkini dan retrospektif (50 n)

b. Hadiah (100 n)

- Kerjasama dengan agensi kerajaan peringkat Negeri Johor (100 n) - AJK

Jumlah keseluruhan sasaran : 300 naskhah

Pencapaian KAI - PUTM ini melibatkan kerjasama dengan Unit Perolehan Bahan serta Bahagian serta Jawatankuasa yang telah ditubuhkan untuk merealisasikan pembangunan koleksi Perpustakaan. Pelaporan pencapaian KAI ini dilaporkan kepada KPSK secara langsung dan berasingan daripada Analisa Pencapaian Bulanan UPT dan UHP bagi tahun 2019.

3.2 PENCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI

3.2.1 Prosedur Mengkatalog dan Memproses Bahan

Mulai Jan. 2019, objektif kualiti bagi prosedur ini telah dikemaskini dan telah diluluskan melalui Mesyuarat Semakan Pengurusan Induk Mengenai Perpustakaan Bil.1/2019 pada 19 Mac 2019.

Objektif Kualiti baharu :

Memproses dan mengkatalog 85% bahan yang diterima pada tahun semasa meliputi bahan belian, hadiah atau koleksi khas sehingga November pada setiap tahun.

Jumlah 85% ini akan diwakili oleh jumlah naskhah bahan yang berjaya diproses sehingga Disember, namun pengiraan jumlah penerimaan bahan hanya diambikira daripada Januari hingga November sahaja. Ini bagi memastikan staf UPT dan UHP mempunyai tempoh jangkamasa yang adil untuk memproses bahan yang diterima pada tahun semasa.

Objektif Kualiti ini telah menggantikan objektif kualiti terdahulu iaitu :

- Memastikan setiap Pustakawan mengkatalog minimum 200 judul sebulan dalam keadaan biasa.
- Memastikan setiap Pembantu Pustakawan mengkatalog bahan CIP, menginput ringkas dan memproses naskhah tambahan minimum 350 judul sebulan dalam keadaan biasa.

Mulai 2019 juga, sasaran pencapaian bulanan Pembantu Pustakawan UPT dan UHP telah diselaraskan menjadi 200 judul sebulan / 2,400 judul setahun bagi setiap individu, dan telah ditetapkan sebagai sasaran pencapaian KAI individu bagi pelaporan pencapaian sasaran kerja tahunan.

Dengan penurunan jumlah sasaran bulanan bagi Pembantu Pustakawan UPT daripada 350 judul kepada 200 judul sebulan, beberapa aktiviti tambahan telah dirangka bagi menambahbaik kelancaran pemprosesan bahan di BPSK yang terdiri daripada aktiviti berikut :

- i. Aktiviti semakan rekod bibliografi secara bersasar secara bulanan sebanyak 100 rekod sebulan.
- ii. Aktiviti menyediakan dan menampal label nombor panggilan serta judul bahan secara bulanan.
- iii. Aktiviti memproses bahan yang diterima daripada UPB yang melibatkan proses input ringkas, CIP dan naskhah tambahan diurus dalam masa 15 hari bekerja.

3.2.2 Prosedur Mengurus Perolehan Bahan Hadiah

Prosedur ini masih mengekalkan objektif kualiti sedia ada bagi memastikan bahan diproses dengan lebih berkesan lagi bagi melancarkan proses mengurus bahan hadiah secara keseluruhan. Berikut merupakan objektif kualiti bagi prosedur ini.

- Memastikan bahan yang telah dibuat proses penerimaan diakses dalam masa tiga (3) hari bekerja kecuali bahan yang memerlukan tindakan susulan.

3.3 BS11620 : MEDIAN TIME DOCUMENT PROCESSING (MTDP)

Median Time Document Processing (MTDP) adalah mekanisme pengukuran bagi tempoh memproses bahan bermula daripada penerimaan bahan pesanan dari pembekal sehingga bahan disusun di rak, selaras dengan keperluan yang telah digariskan di dalam BS 11620 : Information and Documentation – Library Performance Indicators.

Pengumpulan data bagi analisa MTDP ini melibatkan aktiviti penerimaan bahan oleh UPB, pengkatalogan bahan oleh UPT & UHP, serta penghantaran bahan yang melibatkan Bahagian Pengurusan Koleksi (BPK), PRZS dan Perpustakaan Fakulti.

Bagi memenuhi keperluan BS11620, Perpustakaan UTM telah menetapkan sasaran untuk mencapai tempoh MTDP selama 40 hari bermula dari bahan diterima sehingga siap disusun di rak.

3.4 PERMOHONAN BAHAN SEGERA

Analisa pencapaian permohonan bahan SEGERA yang diterima oleh BPSK mengambilkira semua jenis bahan. Permohonan bahan ini diterima dari BPMP dan UPB melalui borang permohonan rasmi daripada pengguna. Pengiraan tempoh mengurus permohonan bahan segera yang diterima dari beberapa Bahagian di PUTM untuk diproses mengikut tempoh yang telah ditetapkan seperti berikut :

- 5 hari bekerja dari tarikh penerimaan di BPSK bagi permohonan untuk dipinjam keluar dan permohonan dari perkhidmatan ILL.
- 2 hari bekerja dari tarikh penerimaan di BPSK bagi permohonan untuk rujukan dalaman selain daripada bahan tesis & PSM (Perpustakaan UTM - PSZJB sahaja).
- 3 hari bekerja dari tarikh penerimaan di BPSK bagi permohonan untuk dipinjam keluar yang diterima dari UPB sahaja.

Permohonan bahan SEGERA yang diterima dari PUTM - PSZJB diproses mengikut tempoh seperti di atas. Permohonan hendaklah dihantar ke BPSK sebelum jam 3.00 petang hari bekerja bagi memastikan kelancaran proses mengkatalog bahan. Setiap permohonan akan dikepilkan dengan Slip Pemprosesan Bahan Segera BKHP untuk memantau tempoh pengurusan permohonan bahan SEGERA di BPSK.

BPMP dan Perpustakaan Cawangan - Permohonan dalam talian :

- Cetakan maklumat permohonan di kertas hijau.
- Semua jenis permohonan pinjam keluar.
- Permohonan merujuk lain-lain bahan.

ANALISA BULANAN : UNIT PENGURUSAN TEKNIKAL / UNIT HADIAH & PERTUKARAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER & KATALOG

UPB - Permohonan melalui pengisian borang secara manual :

- Borang Putih - Semua jenis permohonan pinjam keluar.
- Borang Merah Jambu - Semua jenis permohonan pinjam keluar (Permohonan melalui Vot Penyelidikan).

Disediakan oleh :

Haslina Hussin

Pustakawan Kanan

Unit Pengurusan Teknikal

Bahagian Pembangunan Sumber & Katalog

Perpustakaan Sultanah Zanariah

Univeriti Teknologi Malaysia

Johor Bahru

Johor



ulasan pencapaian semasa

MUKASURAT

ANALISIS BULANAN

8 - 9	Ringkasan Pencapaian Keseluruhan
10	1.0 Pencapaian Pustakawan
11-12	2.0 Pencapaian Pembantu Pustakawan
13	3.0 Pencapaian Program Latihan (Pelajar / Staf)
14	4.0 Pencapaian Objektif Kualiti
15	5.0 Pencapaian Key Amal Indicators (KAI) / Balanced Score Card (BSC)
16	6.0 Pencapaian Bs 11620 - B.3.2.2 : Median Time Processing
16	7.0 Pencapaian Permohonan Bahan Segera

RINGKASAN PENCAPAIAN BULANAN

SEPTEMBER

PENCAPAIAN KESELURUHAN

- Aktiviti memproses bahan oleh Pustakawan, Pembantu Perpustakaan dan Staf/Pelajar LDK (katalog bahan asal, bahan CIP, input ringkas, naskhah tambahan).

Sasaran : 14,400 judul
Pencapaian : 6,245 judul, 6,959 naskhah @ 43.4%

- Kumulatif tahunan pengkatalogan bahan asal oleh Pustakawan UPT & UHP.

Sasaran : 4,800 judul
Pencapaian : 2,319 judul, 2,616 naskhah @ 48.3%

- Pemprosesan bahan CIP, input ringkas, dan naskhah tambahan oleh Pembantu Pustakawan UPT & UHP serta Staf/Pelajar LDK.

Sasaran : 9,600 judul
Pencapaian : 3,926 judul, 4,343 naskhah @ 40.9%

PENCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI

- Pengkatalogan bahan asal dan CIP oleh Pustakawan dan Pembantu Pustakawan UPT & UHP.

Sasaran : 85% bahan siap diproses daripada jumlah penerimaan tahun semasa.
Pencapaian : 824 / 1228 naskhah @ 86.7%

RALAT : Pencapaian Jan-Mac adalah merujuk kepada Jadual 8.1 April kerana terdapat kesilapan jumlah penerimaan bahan hadiah bagi Jan. & Mac.

- Aktiviti akses bahan hadiah oleh Pembantu Operasi KHP.

Sasaran : 100%
Pencapaian : 112 @ 100%

KEY AMAL INDICATORS (KAI) BAHAGIAN

- Keseluruhan aktiviti pengkatalogan bahan asal dan bahan CIP sahaja.

Sasaran : 4,400 judul
Pencapaian : 2,936 judul, 3,254 naskhah @ 66.7%

- Keseluruhan aktiviti penerimaan bahan judul baharu, naskhah tambahan dan pendepositan bahan digital oleh staf UHP.

Sasaran : 1,620 judul
Pencapaian : 1,171 judul, 1,238 naskhah @ 72.3%

PENCAPAIAN MEDIAN TIME DOCUMENT PROCESSING (MTDP)

BS 11620 : BRITISH STANDARD INFORMATION & DOCUMENTATION - LIBRARY PERFORMANCE INDICATORS

- Tempoh pemerosesan bahan belian bermula dari proses bahan diterima dari pembekal sehingga bahan selesai disusun di rak.

Sasaran : 40 hari

Pencapaian : 38 hari

PENGURUSAN PERMOHONAN BAHAN SEGERA

- Pengurusan & pemprosesan bahan SEGERA mengikut tempoh & jenis permohonan bahan yang diterima dari pelbagai Bahagian di Perpustakaan UTM.

Sasaran : Tidak melewati tempoh yang ditetapkan mengikut jenis permohonan yang diterima. Rujuk bab pengenalan.

Pencapaian : 0 permohonan @ 0.0%

1.0 PENCAPAIAN PUSTAKAWAN

Mulai Jan. 2019, pencapaian bulanan Pustakawan UPT dan UHP sebanyak 200 judul sebulan bagi setiap staf, dan merupakan KAI individu yang mensasarkan sasaran tahunan berjumlah 2,400 judul seorang sebagai penilaian prestasi individu.

1.1 Pencapaian semasa bagi aktiviti mengkatalog bahan asal oleh Pustakawan adalah seperti butiran berikut :

i. Jumlah keseluruhan **89 judul dan 94 naskhah.***

ii. Peratus pencapaian semasa adalah **22.3%**.

iii. Pecahan berikut menunjukkan proses pengkatalogan bahan mengikut jenis perolehan bahan.

- Bahan belian : 24 judul / 29 naskhah.
- Bahan hadiah & pertukaran : 28 judul / 28 naskhah.
- Bahan koleksi khas : 37 judul / 37 naskhah.

Jumlah keseluruhan : 89 judul / 94 naskhah

iv. Julat perbezaan bagi jumlah judul dan naskhah adalah sebanyak **5 naskhah, iaitu 5.6%**.

v. Pencapaian keseluruhan mulai Januari adalah sebanyak **48.3%**.
(Sasaran tahunan : 4,800 judul).

1.2 Selain daripada aktiviti mengkatalog bahan, Pustakawan UPT & UHP juga terlibat dengan tugas lain yang memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada keseluruhan tugas di Bahagian Pembangunan Sumber & Katalog antaranya adalah :

BUTIRAN	TARIKH
1. Bengkel Projek Pembersihan Data Rekod LMS Perpustakaan UTM	18.09.2019
2. Refresher Course Siri 4 : Bengkel Pemantapan Pengkatalogan Bahan	25.09.2019
3. Read & Relax Siri 16/2019 (PSZJB)	12.09.2019
4. Road Show UTM Smart	05.09.2019

1.3 Data bagi perincian pencapaian semasa oleh Pustakawan telah disediakan melalui Jadual 1 dan Rajah 1 yang di lampirkan.

2.0 PENCAPAIAN PEMBANTU PUSTAKAWAN

Mulai Jan. 2019, pencapaian bulanan Pembantu Pustakawan UPT dan UHP telah diselaraskan kepada 200 judul sebulan bagi setiap staf, dan merupakan KAI individu yang mensasarkan sasaran tahunan berjumlah 2400 judul seorang sebagai penilaian prestasi individu. Sasaran ini hanya melibatkan aktiviti memproses CIP, input ringkas dan naskhah tambahan sahaja.

Manakala bagi Pembantu Pustakawan UHP, sasaran tambahan sebanyak 100 naskhah yang melibatkan proses penerimaan judul baharu dan aktiviti repositori bahan hadiah sahaja. Secara kumulatif, pencapaian sasaran tahunan Pembantu Pustakawan UHP adalah 1200 naskhah.

2.1 Pencapaian bulanan bagi Pembantu Pustakawan BKHP terbahagi kepada 2 unit seperti berikut :

2.1.1 Unit Pengurusan Teknikal (UPT)

- i. Sasaran pencapaian bulanan adalah 200 judul / staf.
 - o Pencapaian bulanan ini merangkumi aktiviti pengkatalogan :
 - a. bahan *cataloguing in print* (CIP),
 - b. proses menginput ringkas data bibliografik (IR), dan
 - c. memproses naskhah tambahan (NT) di Modul Katalog.

2.1.2 Unit Hadiah & Pertukaran (UHP)

- i. Sasaran pencapaian bulanan adalah 200 judul / staf.
 - o Pencapaian bulanan ini merangkumi aktiviti pengkatalogan :
 - a. bahan *cataloguing in print* (CIP),
 - b. proses menginput ringkas data bibliografik (IR), dan
 - c. memproses naskhah tambahan (NT) di Modul Katalog.
- ii. Sasaran pencapaian bulanan adalah 100 judul / staf.
 - o Pencapaian bulanan ini merangkumi aktiviti penerimaan dan pendepositan bahan seperti berikut :
 - a. aktiviti penerimaan bahan (TB) di Modul Perolehan.
 - b. pendepositan bahan di Sistem Repositori Perpustakaan UTM (deposit / input ringkas sahaja).*

*Perincian pendepositan bahan, rujuk perkara 5.2

2.2 Pencapaian semasa bagi aktiviti mengkatalog dan memproses bahan CIP, IR dan NT oleh Pembantu Perpustakaan adalah seperti berikut :

- i. **233 judul dan 249 naskhah.**
- ii. Peratus pencapaian semasa adalah **29.1%**
- iii. Pecahan jumlah pencapaian ini mengikut unit adalah seperti berikut :
 - a. Unit Pengurusan Teknikal
 - **156 judul / 160 naskhah @ 66.9.0%.**
 - b. Unit Hadiah & Pertukaran
 - **77 judul / 89 naskhah @ 33.1%.**
- iv. Pencapaian keseluruhan aktiviti pengkatalogan oleh Pembantu Pustakawan, berdasarkan jumlah judul dan naskhah adalah seperti berikut :

- Mengkatalog bahan CIP	: 112	judul /	116	naskhah	@	48.1%.
- Memasukkan data Input Ringkas	: 78	judul /	80	naskhah	@	33.5%
- Memproses Naskhah Tambahan	: 43	judul /	53	naskhah	@	18.5%
Jumlah keseluruhan	: 233	judul /	249	naskhah		
- v. Julat perbezaan bagi jumlah judul dan naskhah adalah sebanyak **16** naskhah, iaitu **6.9%**.
- iv. Pencapaian keseluruhan mulai Januari adalah **40.9%**. (Sasaran tahunan : 9,600 judul).
- v. Selain daripada aktiviti mengkatalog bahan, Pembantu Pustakawan BKHP juga terlibat dengan tugas lain yang memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada keseluruhan tugas di Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran antaranya adalah :

Butiran	Tarikh
1. Road Show UTM Smart	05.09.2019
2. Gotong-Royong PUTM	26.09.2019
3. Bengkel Projek Pembersihan Data Rekod Lms Perpustakaan UTM	18.09.2019
4. Refresher Course Siri 4 : Bengkel Pemantapan Pengkatalogan Bahan	25.09.2020
5. Read & Relax	12& 26.09.2019
6. UTM Idol	30.09.2019

2.3 Data bagi perincian pencapaian semasa oleh Pembantu Perpustakaan telah disediakan melalui Jadual 2 dan Rajah 2 yang di lampirkan.

3.0 PENCAPAIAN PROGRAM LATIHAN (PELAJAR / STAF)

Laporan pencapaian staf/pelajar latihan industri adalah berdasarkan kepada penempatan staf/pelajar di BPSK untuk tempoh 6 bulan bagi setiap sesi. Staf/pelajar yang terlibat menjalani latihan di Bahagian ini akan melaksanakan beberapa tugas sepertimana yang dirangka oleh KPSK.

Umumnya, terdapat 1 orang pelajar yang akan menjalani latihan di BKHP secara tetap selama 6 bulan. Giliran menjalani latihan di lain-lain Bahagian selama 1 minggu telah dijadualkan untuk memastikan keseluruhan aspek berkaitan perkhidmatan dan bidang tugas di Perpustakaan UTM diberi pendedahan yang sewajarnya. Bagi aktiviti pengkatalogan bahan, pelajar berpeluang mempelajari proses input ringkas dan pengkatalogan CIP. Bagi menjawab kepada KAI/Balanced Score Card di BKHP, hanya aktiviti pengkatalogan CIP sahaja yang diambil kira untuk bahagian 6.

Berikut adalah pencapaian semasa pelajar berdasarkan aktiviti yang dilakukan di BPSK :-

- Nama pelajar : tiada
- Fakulti : tiada
- a. Proses input ringkas : 0 judul / 0 naskhah
- b. Katalog CIP : 0 judul / 0 naskhah

Data bagi perincian pencapaian semasa oleh Pelajar/Staf LDK telah disediakan melalui Jadual 3 yang di lampirkan.

4.0 PENCAPAIAN KEY AMAL INDICATORS (KAI) / BALANCED SCORE CARD (BSC)

4.1 Analisa pencapaian pengkatalogan bahan ini hanya merangkumi aktiviti pengkatalogan bahan asal oleh Pustakawan dan pengkatalogan bahan CIP oleh Pembantu Pustakawan sahaja. Pencapaian semasa adalah seperti berikut :

i.	Bahan belian	: 685 judul / 723 naskhah : 15.6% daripada pencapaian keseluruhan
ii.	Bahan koleksi khas	: 1179 judul / 1398 naskhah : 26.8% daripada pencapaian keseluruhan
iii.	Bahan hadiah & pertukaran	: 1072 judul / 1133 naskhah : 24.4% daripada pencapaian keseluruhan
	Pencapaian keseluruhan	: 2,936 judul / 3,254 naskhah : 66.7% daripada sasaran tahunan

Nota : Sasaran KAI - 4,400 judul / tahun.

4.2 Pencapaian KAI hanya mensasarkan aktiviti penerimaan bahan bagi judul baharu sahaja oleh Unit Hadiah & Pertukaran, diikuti dengan aktiviti penempatan bahan digital. Pencapaian semasa bagi KPI ini adalah seperti berikut :

i.	Penempatan bahan digital	: 66 judul : 5.6% daripada pencapaian keseluruhan : Sasaran 120 judul
ii.	Judul baharu	: 1105 judul / 1172 naskhah : 94.4% daripada pencapaian keseluruhan : Sasaran 1,500 judul
	Jumlah keseluruhan	: 1171 judul / 1238 naskhah : 72.3% daripada pencapaian tahunan

Nota : Sasaran KAI - 1,620 judul / tahun.

4.3 Jadual 5 dan Rajah 4 yang dilampirkan menunjukkan pencapaian terkini KAI di Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran berdasarkan analisa di atas.

5.0 PENCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI

5.1 Mengkatalog dan Memproses Bahan – AKT(MB)/8.5.2

Analisa ini melibatkan pencapaian kumulatif Pustakawan serta Pembantu Pustakawan UPT dan UHP bagi aktiviti pengkatalogan bahan asal, bahan CIP, proses input ringkas (IR) dan naskhah tambahan (NT).

Memproses dan mengkatalog 85% bahan yang diterima pada tahun semasa meliputi bahan belian, hadiah atau koleksi khas sehingga November pada setiap tahun.

- Pencapaian mulai Jan : 86.7%.

RALAT : Pencapaian Jan-Jun Jadual 8.1 dikemaskini hasil teguran Mesyuarat Semakan Pengurusan Bahagian Perancangan & Pembangunan dengan menambah data bagi Judul untuk setiap jenis koleksi.

5.2 Mengurus Perolehan Bahan Hadiah – AKT(BH)/8.4

Analisa ini merujuk kepada aktiviti aksesan bahan hadiah oleh Pembantu Operasi BKHP yang ditetapkan dalam tempoh 3 hari bekerja.

Berikut adalah pencapaian aktiviti ini berdasarkan bilangan hari bahan diaksesan.

- 1 hari	: 112 naskhah @ 100%
- 2 hari	: 0 naskhah @ 0%
- 3 hari	: 0 naskhah @ 0%
- > 3 hari	: 0 naskhah @ 0%
Jumlah	: 112 naskhah @ 100%
Kumulat tahunan	: 1763 naskhah @ 100%

5.3 Jadual 8 serta Rajah 7 & 8 yang dilampirkan menunjukkan pencapaian terkini Objektif Kualiti di Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran berdasarkan analisa di atas.

6.0 PENCAPAIAN BS 11620 – B.3.2.2 : MEDIAN TIME PROCESSING

6.1 Pencapaian semasa MTP adalah seperti berikut :

- i. Jumlah penghantaran bahan : 69 naskhah
- ii. Pencapaian MTP : 38 hari. Capai

6.2 Pencapaian bagi 2019 ini turut digambarkan melalui data di Jadual 6 dan Rajah 5 yang dilampirkan.

7.0 PENCAPAIAN PERMOHONAN BAHAN SEGERA

7.1 Pencapaian semasa permohonan bahan SEGERA adalah seperti berikut :

- i. Jumlah permohonan semasa adalah 0 permohonan dengan peratus pencapaian adalah 0.0%.
- ii. Jumlah permohonan yang berjaya diproses kurang daripada 1 hari adalah sebanyak 0 permohonan @ 0%.

7.2 Jadual 7 dan Rajah 6 menunjukkan data pengurusan permohonan bahan segera mengikut jenis permohonan dan pencapaian keseluruhan 2019.

Disediakan oleh :
Haslina Hussin
Pustakawan Kanan / P(PT)
17 November 2019

Disemak dan disahkan oleh :
.....
Haslina Nasir
Bahagian Pembangunan Sumber & Katalog (KPSK)

Tarikh :/ November 2019



senarai jadual

Mukasurat Butiran

J : 1	Jadual 1.1	: Pustakawan – Pencapaian Bulanan Individu
	Jadual 1.2	: Pustakawan – Kumulat Tahunan
J : 2	Jadual 2.1	: Pembantu Pustakawan – Pencapaian Bulanan Keseluruhan
J : 3	Jadual 2.2	: Pembantu Pustakawan – Pencapaian Bulanan Individu
	Jadual 2.3	: Pembantu Pustakawan – Kumulat Tahunan
J : 4	Jadual 2.4	: Pembantu Pustakawan – Lain-lain Tugas
	Jadual 3.1	: Pelajar / Staf Latihan Dalam Kerja – Pencapaian Keseluruhan
J : 5	Jadual 4.1	: Kumulat Pencapaian Tahunan – Pustakawan, Pembantu Pustakawan Pelajar/Staf Latihan Dalam Kerja (LDK)
